

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 MARCH 2017

Kit wasatiyyah manfaat rakyat dilancar

BH-17/3/2017

→ Kerajaan komited promosi pendekatan sederhana soal agama

Oleh Rohaniza Idris,
Mohd Nasaruddin Parzi
dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam melancarkan kit wasatiyyah bagi mempromosikan pendekatan kesederhanaan agama dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

Kit itu adalah bahan promosi utama untuk merakyatkan pendekatan wasatiyyah dalam kalangan rakyat negara ini.

Mengandungi lima buku di dalamnya, kit berkenaan menghimpunkan buku *Dasar Wasatiyyah*, *Pendekatan Wasatiyyah* dan *Pelaksanaannya di Malaysia* yang mengandungi koleksi enam ucapan Perdana Menteri berhubung pemikiran beliau berkaitan wasatiyyah.

Yang turut dimasukkan buku tu-

lisan Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Abdullah Md Zin bertajuk *Pendekatan Wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Pelaksanaan*.

Dua lagi buku adalah *Pendekatan Wasatiyyah dalam Menangani Keganasan Pengalaman Malaysia* dan *Penghayatan Wasatiyyah dalam Pentadbiran Malaysia*.

Pelancaran kit itu bersempena Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Wasatiyyah Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri.

Bincang isu gugat kestabilan

Mesyuarat itu membincangkan kepentingan wasatiyyah dalam menghadapi cabaran semasa dan akan datang berikutan pelbagai isu berbangkit yang mampu menggugat kestabilan dan keharmonian negara.

Pada mesyuarat itu Pengarah Institut Wasatiyyah, Datuk Mohd Yusof Din membentangkan ana-

lisis persekitaran dan cabaran semasa membabitkan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Ancaman Pemikiran Ekstremisme dan Liberalisme yang meluas, Persepsi dan Publisiti Negatif Terhadap Islam dan Eksploitasi Ilmu.

Mesyuarat itu turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Abdullah yang juga Naib Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Wasatiyyah Negara dan Ketua Pengarah JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Tan Sri Othman Mustapha.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan pada sebelah pagi, Perdana Menteri menerima kunjungan hormat Timbalan Perdana Menteri Somalia, Mohamed Omer Arteh, yang kini dalam lawatan sulungnya ke Malaysia.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Mohamed Omer melahirkan penghargaan dan terima kasih beliau kepada Najib atas ke-

sudiannya meluangkan masa untuk bertemu beliau dan Malaysia pada umumnya atas sumbangan kepada Somalia.

Lawatan kerja TPM Somalia

“Atas kemurahan hati yang ditunjukkan kepada kami, saya benar-benar berterima kasih kepada beliau (Najib) untuk itu dan terima kasih juga kepada organisasi di negara ini yang telah memberi sumbangan kepada Somalia.

“Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia atas kesudian menerima pelajar Somalia di sini dan juga kerajaan Malaysia kerana memberi sokongan yang diperlukan mereka (pelajar) di sini,” katanya.

Mohamed Omer kini dalam lawatan kerja ke Malaysia dari 9 Mac hingga semalam.

→ Somalia berdepan krisis kebuluran - Ms. 25